

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

UMNO Kubang Pasu: Dr. Mahathir kekal ketua tanpa tanding

ALOR SETAR, Sabtu. — Empat tokoh UMNO akan merebut jawatan Naib Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu dalam mesyuarat perwakilan awal Jun depan.

Setiausaha UMNO Bahagian, Ustaz Abu Bakar Hussein, memberitahu mereka ialah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kedah, Haji Hanafi Ramli, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Kubang Pasu, Encik Nazril Mohd. Zain dan dua Ahli Jawantankuasa Bahagian itu, Encik Shuib Endut dan Encik Ali Yusof.

Encik Shuib adalah juga Ketua UMNO Cawangan Kelubi, Encik Nazril pula ialah Ketua UMNO Cawangan Jitra, sementara Encik Ali Ketua UMNO Cawangan Kampung Kubang Pasu.

Jawatan Naib Ketua itu kini disandang oleh Haji Hanafi sejak beberapa tahun lalu.

Ustaz Abu Bakar berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menang jawatan Ketua UMNO Bahagian itu tanpa tanding. Menurutnya, Perdana Menteri menjadi Ketua UMNO Kubang Pasu sejak 1974.

Setiausaha UMNO Bahagian itu berkata,

Timbalan Ketua UMNO Bahagian itu, Datuk Osman Aroff juga menang tanpa tanding.

Ustaz Abu Bakar berkata kesemua 127 cawangan UMNO Bahagian itu menyokong sebulat suara kepada pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir yang membara berbagai perubahan, baik dari segi perkembangan agama dan ekonomi untuk rakyat.